

01/11/2002

Rugi jika lengah laksana bahasa Inggeris

Zulkeflee Yaacob

ISU pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris nampaknya belum tamat lagi.

Parti yang mewakili kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN) sudah diberikan tempoh seminggu bagi membincangkan perkara itu. Mereka sepatutnya sudah sedia dengan hasil rundingan bagi memastikan pelaksanaan dasar itu turut dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

`Rundingan' itu mahu dilakukan ketika segelintir guru menjalani kursus dan buku teks Matematik dan Sains mungkin sudah dicetak dalam bahasa Inggeris.

Umno pula akan mengemukakan mandat parti kepada mesyuarat tertinggi BN selepas genap seminggu tempoh yang diberi kepada MCA dan parti yang mewakili kaum Cina untuk merumuskan pendekatan menangani pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Isu berkenaan tidak wajar berlarutan memandangkan masa persekolahan tahun depan akan bermula pada minggu pertama Januari.

Wajarnya peribahasa Melayu, `rumah siap, pahat masih berbunyi' adalah falsafah kerja yang sia-sia dan tidak mendatangkan faedah kepada rakyat dan sistem pendidikan negara.

Umat Islam berpaksikan menguasai ilmu melalui multi bahasa bahawa bahasa Arab sebagai sumber utama ilmu al-Quran dan hadis. Bahasa Inggeris sebagai bahasa maklumat dan teknologi untuk kompetitif globalisasi manakala bahasa Mandarin untuk komunikasi dan interaksi dalam kelompok koperatif.

Justeru, orang Islam digalakkan menuntut ilmu hingga ke negara China kerana penguasaan bahasa asing akan meningkatkan penguasaan ilmu yang jelas bertentangan dengan fahaman Dong Jiao Zong kononnya menghakis jati diri bangsa Cina.

Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan dan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi tidak terjejas. Malah tidak mungkin rakyat kehilangan keMalaysiaan semata-mata penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains, sedangkan banyak masa mereka di luar sekolah yang masing-masing menggunakan bahasa kelompok sosial.

Hal ini, dijelaskan berkali-kali oleh Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa beliau sendiri tidak menukar identiti keMelayuan meskipun bahasa pengantar dan interaksi dalam bahasa Inggeris ketika menuntut di kolej perubatan di Singapura.

Bahkan, beliau mendapat jolokan `Ultra Melayu' yang berhemah, berkarisma dan amat rajin bekerja untuk memajukan negara tanpa meminggirkan kaum lain di negara ini.

Semua pihak patut berpandangan positif dan melaksanakan secara kolektif agenda yang membangunkan bangsa dan negara. Memang ada golongan yang tidak akan puas hati terhadap sesuatu dasar baru, apa lagi membabitkan bahasa dan kepentingan sesuatu kaum. Tetapi membiarkan golongan ekstremis dan cauvinis kaum mengikut agenda kaum masing-masing tanpa semangat kompromi dan perpaduan nasional akan menggugat keharmonian dan keamanan negara.

Biarpun dasar bahasa Inggeris dalam pendidikan ditentang oleh segelintir yang berkepentingan peribadi mengatasi keutamaan nasional, pengecualian terhadap kaum lain akan memberi landasan kepada kaum lain menjadi histeria.

Oleh itu, generasi akan datang harus berada pada landasan realistik yang berdepan arus teknologi maklumat dan pasaran global dunia tanpa sempadan.

Memangnya toleh ke belakang untuk menyusun strategi dan memantapkan

perpaduan kaum. Berdolak-dalik dan melengah-melengah pelaksanaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains bertepatan dengan falsafah Melayu, 'tidur sebantol mimpi berbeza', langsung tidak beri manfaat untuk kemajuan negara.

Justeru, membina jalan yang luas, tembok tinggi, dinding tebal dan longkang dalam hanya sebagai zoo, andainya masih menebal minda kolonialisme dan sikap hipokrit.

ZULKEFLEE YAACOB,
Pengkalan Chepa, Kelantan.

(END)